

02/03/1998

(Kloffe)

NIAGA Hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (Kloffe) dijangka lebih kukuh minggu ini apabila ringgit menjadi teguh dan pasaran serantau yang stabil.

Peniaga berkata, pasaran akan bergantung pada hasil mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asean yang diadakan pada Sabtu lalu dan perubahan pada beberapa dasar kerajaan mengenai pelaburan serta pembelian ekuiti.

"Jika pelabur terutamanya pelabur asing, melihat sesuatu yang positif dilaksanakan, pasaran ekuiti dan ringgit akan mengukuh," tambah peniaga itu.

Hasil rundingan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei, mungkin juga memberi gambaran untuk pasaran itu.

Peserta pasaran masih optimis bahawa susulan daripada langkah kerajaan melonggarkan syarat berhubung pemilikan ekuiti dalam syarikat Malaysia, katanya.

(END)